



**“Anak Yatim Disantuni,
Ummah Diberkati”**

داسرأنق يتيم إصلاح **DASAR ANAK YATIM ISLAH KELANTAN**

“Saya dan orang yang menanggung (memelihara) anak yatim (dengan baik) bagaikan ini di dalam syurga,” sambil Baginda memberi isyarat dengan jari telunjuk dan jari tengah dan baginda merenggang kedua-dua jarinya itu.”

Sahih al-Bukhari : 5304



DASAR ANAK YATIM ISLAH KELANTAN

**URUS SETIA KEBAJIKAN, PEMBANGUNAN KELUARGA DAN
WANITA KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

Cetakan Pertama: Dis 2022

**Hakcipta Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita
Kerajaan Negeri Kelantan**

©Hakcipta terpelihara, tiada mana-mana bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar kepada apa-apa bentuk dengan sebarang cara sekalipun tanpa izin bertulis daripada penerbit

Diterbitkan oleh

**URUS SETIA KEBAJIKAN,
PEMBANGUNAN KELUARGA & WANITA
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI
KELANTAN**

ARAS 2, BLOK 2, KOMPLEKS KOTA DARULNAIM,
15503 KOTA BHARU, KELANTAN

Emel: ukekwa@gmail.com

Web : <https://ukekwa.kelantan.gov.my/>

FB | IG | TWITTER | TIKTOK : Urus Setia Kebajikan, Pembangunan
Keluarga dan Wanita Negeri Kelantan (U-KeKWa)

Tel: **09-7481957 / 013-9846916**

Faks: **09-7444957**

AMANAT
YAB USTAZ DATO' BENTARA KANAN
MENTERI BESAR NEGERI KELANTAN



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

﴿ وَاعْبُدُوا اللَّهَ وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا وَبِذِي الْقُرْبَىٰ
وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسِكِينَ وَالْجَارِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَالْجَارِ الْجُنُبِ وَالصَّاحِبِ
بِالْجُنُبِ وَابْنِ السَّبِيلِ وَمَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ مَنْ كَانَ
مُخْتَالًا فَخُورًا ﴾

Maksudnya : “Dan sembahlah Allah dan janganlah kamu mempersekuatkan-Nya dengan sesuatu apa pun. Dan berbuat-baiklah kepada kedua orang tua, karib-kerabat, anak-anak yatim, orang-orang miskin, tetangga dekat dan tetangga jauh, teman sejawat, ibnu sabil dan hamba sahaya yang kamu miliki. Sungguh, Allah tidak menyukai orang yang sompong dan membanggakan diri.”

(Surah an-Nisa' Ayat 36)

Alhamdulillah, segala pujian bagi Allah SWT, Tuhan Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang, segala puji dan puja hanya kepada Allah SWT, Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, pembawa risalah Islam yang suci. Dalam

suasana syukur bersempena Sambutan 32 Tahun Pentadbiran Membangun Bersama Islam Kerajaan Negeri Kelantan, marilah kita memanjat setinggi doa ke hadrat Allah SWT semoga terus memberi pertolongan, kekuatan dan kemudahan dalam menjalankan khidmat bakti kepada rakyat dan negeri.

Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada semua pihak yang telah bertungkus lumus serta menunjukkan komitmen yang tinggi dalam menjayakan dasar Membangun Bersama Islam dan merakyatkannya sepanjang lebih 3 dekad ini.

Dalam petikan al-Quran pada permulaan ucapan tadi, menggambarkan pentadbiran Kerajaan Membangun Bersama Islam yang ada pada hari ini konsisten untuk mamandu rakyatnya mencapai kualiti hidup dengan menterjemahkan segala tindakan kerajaan terus ditambahbaik dan aktiviti rakyatnya mendapat keberkatan daripada Allah SWT sebagaimana makna Islah itu sendiri yang menggambarkan usaha untuk menjadikan sesuatu keadaan kepada suatu keadaan yang betul dan sesuai.

Bagi mendokong Dasar Membangun Bersama Islam, Kerajaan Negeri akan terus memberi penekanan terhadap aspek kebajikan termasuklah golongan anak yatim. Maka, usaha-usaha berterusan telah dilaksanakan bagi menjaga dan memelihara kebajikan dan pembangunan golongan sasar berteraskan Dasar Anak Yatim Islam Negeri Kelantan. Dasar yang dibangunkan ini akan menjadi teras serta sumber rujukan dalam setiap program yang akan dirancang dan dilaksanakan dan memberi impak yang besar dalam menjayakan agenda Merakyat Membangun Bersama Islam.

Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada YB Dato' Hajah Mumtaz Md Nawi, Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita serta seluruh penggerak dan penggubal yang sejak awal lagi telah berusaha untuk membangunkan dasar ini secara lebih jelas dan inklusif.

Semoga Allah SWT memelihara Kerajaan ini untuk terus membawa negeri Kelantan sebagai sebuah negeri yang “Baldatun Thoyyibatun Warabbun Ghafur”. Teruskanlah usaha ini sehingga Allah SWT mengurniakan keberkatan, kerahmatan dan kemenangan yang besar suatu hari nanti.

“ALLAH DITAATI, RAJA DISANJUNGI, RAKYAT DIKASIHI”
“SEMOGA ALLAH MELINDUNGI TUANKU DUNIA
AKHIRAT”
“KEBERKATAN, KEMAKMURAN, KEBAJIKAN”

Dengan hormatnya,

A handwritten signature in black ink, appearing to read "p. haj. .". It is written over a horizontal line.

**DATO' BENTARA KANAN USTAZ DATO' HAJI AHMAD
BIN YAKOB S.J.M.K, D.J.M.K, (Kelantan)**
Menteri Besar Kelantan

KATA ALU-ALUAN
PENGERUSI JAWATANKUASA KEBAJIKAN,
PEMBANGUNAN KELUARGA DAN WANITA KERAJAAN
NEGERI KELANTAN



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الْيَتَمَّى قُلْ إِصْلَاحُهُمْ خَيْرٌ وَإِنْ
تَخَالُطُوهُمْ فَإِخْوَانُكُمْ وَاللَّهُ يَعْلَمُ الْمُفْسِدَ مِنَ الْمُصْلِحِ وَلَوْ شَاءَ اللَّهُ
لَاَعْنَتُكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

٢٢٠

Maksudnya: Mengenai (*urusan-urusan kamu*) di dunia dan di akhirat dan mereka bertanya lagi kepadamu (wahai Muhammad), mengenai (masalah) anak-anak yatim. Katakanlah: "Memperbaiki keadaan anak-anak yatim itu amatlah baiknya", dan jika kamu bercampur gaul dengan mereka (maka tidak ada salahnya) kerana mereka itu ialah saudara-saudara kamu (yang seagama); dan Allah mengetahui akan orang yang merosakkan (harta benda mereka) daripada orang yang hendak memperbaikinya. Dan jika Allah menghendaki tentulah Ia memberatkan kamu (dengan mengharamkan bercampur gaul dengan mereka). Sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.

(Surah An-Nahl: ayat 220).

Alhamdulillah, kalam syukur setinggi-tingginya dilafazkan kepada Allah, Maha Pencipta seisi dunia. Selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad SAW tokoh anak yatim yang ulung lagi mulia, yang

sentiasa menunjukkan qudwah dalam membela nasib dan membahagiakan anak yatim, jua selawat dan salam kepada keluarga dan sahabat Baginda saw.

Tahun 2022, dunia telah dikejutkan dengan 10.5 juta kanak-kanak menjadi anak yatim akibat Covid-19, manakala di Malaysia seramai 4696 orang menjadi anak yatim termasuklah lebih 140 kanak-kanak di Kelantan. Ini meningkatkan jumlah sedia ada keseluruhan anak yatim dan anak ibu tunggal seramai 12,680 orang di Kelantan sekaligus menjadi pemangkin kepada tindakan ampuh dan menyeluruh terhadap mereka oleh Kerajaan Negeri.

Sekalipun, Kelantan telah mempunyai Dasar Kanak-Kanak Fitrah Kelantan 2018, meliputi hak dan tanggungjawab kepada kanak-kanak namun pendekatan yang berbeza diperlukan dalam membangunkan anak-anak yatim. Ia bermula dengan hak dan tangggungjawab anak yatim itu sendiri, penjaga (*kafil*), waris, agensi, korporat, NGO dan kerajaan dalam membantu golongan ini bersesuaian dengan fitrah mereka mengikut tatacara syariah dan negara. Anak-anak ini perlu dijaga akidahnya, disantuni, dididik, diutamakan, dan diberi nafkah asasi secara adil dan teratur mengikut personaliti, kesihatan, tempat dan masa.

Maka Dasar Anak Yatim Islah Kelantan 2022 digubal sebagai kerangka dan panduan kepada Kerajaan dan masyarakat. Bagi melicinkan agenda ini, sebuah Majlis Perwakilan Anak Yatim yang terdiri daripada ikon anak yatim sendiri telah dibentuk bagi menasihati dan membuat pengesyoran mengenai semua isu dan aspek yang berhubungan dengan motivasi, sokongan pemeliharaan, perlindungan, kebijakan, perkembangan dan penyertaan anak yatim.

Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih khusus kepada semua penggubal atas komitmen tinggi dalam menyiapkan dasar ini selari dengan kehendak Dasar Membangun Bersama Islam merangkumi semua golongan secara khusus dan

bersesama. Semoga ianya menjadi amal jariah dan di beri ganjaran oleh Allah S.W.T. Semoga segala usaha daripada semua pihak dikanjari pahala dalam menjaga kunci keberkatan ummah ini di dunia dan akhirat. Sekian, wassalam.

“ALLAH DITAATI, RAJA DISANJUNGI, RAKYAT DIKASIHI”
“MERAKYATKAN MEMBANGUN BERSAMA ISLAM”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“KELANTAN CAKNA KEBAJIKAN”

Dengan hormatnya,



DATO' HAJAH MUMTAZ MD NAWI D.J.M.K., J.M.K., (Kelantan)
Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan,
Pembangunan Keluarga dan Wanita Kerajaan Negeri Kelantan

**PRAWACANA
PENGARAH**
**URUS SETIA KEBAJIKAN, PEMBANGUNAN KELUARGA &
WANITA KERAJAAN NEGERI KELANTAN**



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الْيَتَمَى قُلْ إِصْلَاحُهُمْ خَيْرٌ وَإِنْ
تُخَالِطُهُمْ فَإِخْوَنُكُمْ وَاللَّهُ يَعْلَمُ الْمُفْسِدَ مِنَ الْمُصْلِحِينَ وَلَوْ شَاءَ
اللَّهُ لَاَعْنَتُكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

٢٢٠

Maksudnya : Mengenai (urusan-urusan kamu) di dunia dan di akhirat dan mereka bertanya lagi kepadamu (wahai Muhammad), mengenai (masalah) anak-anak yatim. Katakanlah: "Memperbaiki keadaan anak-anak yatim itu amatlah baiknya", dan jika kamu bercampur gaul dengan mereka (maka tidak ada salahnya) kerana mereka itu ialah saudara-saudara kamu (yang seagama); dan Allah mengetahui akan orang yang merosakkan (harta benda mereka) daripada orang yang hendak memperbaikinya. Dan jika Allah menghendaki tentulah Dia memberatkan kamu (dengan mengharamkan bercampur gaul dengan mereka). Sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana. (Al-Baqarah 2:220)

Alhamdulillah, segala puji hanya untuk Allah SWT, pencipta dan pemilik alam semesta. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga, para sahabat dan mereka yang mengikuti jejak langkah Baginda hingga hari kesudahan.

Dalam ayat al-Quran di atas, Allah SWT memerintahkan kepada Rasulullah s.a.w dan umatnya supaya berbuat baik kepada anak-anak yatim dengan memperbaiki keadaan anak-anak yatim dianggap sebagai satu persaudaraan dalam Islam sepetimana orang lain yang memerlukan makan, minum dan keperluan-keperluan lain dalam kehidupan seseorang.

Di kesempatan ini, saya ingin mempersembahkan untaian terima kasih kepada semua pihak yang telah memberi sumbangsah dalam penggubalan Dasar Anak Yatim Islah Negeri Kelantan ini. Setinggi penghormatan kepada Menteri Besar Kelantan, YAB Dato' Bentara Kanan Ustaz Dato' Ahmad Yakob dan EXCO Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita, YB Dato Hajah Mumtaz Md Nawi atas keprihatinan dalam hal ehwal kebajikan khususnya anak yatim. Sikap kecaknaan para pemimpin negeri seperti ini akan terus menyemarakkan lagi semangat dan tekad kami untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada rakyat di Serambi Mekah ini.

Sekalung penghargaan juga diucapkan kepada semua agensi baik dari pihak kerajaan mahupun bukan kerajaan yang saling berganding bahu, bukit sama di daki, lurah sama dituruni dalam memastikan dasar ini digubal. Berbuat baik kepada anak yatim adalah akhlak mulia. Semoga kita akan benar-benar meyakini bahawa cakupan esensi berbuat baik lebih komprehensif dan lebih luas daripada kefahaman yang pernah terdetik di dalam hati kita selama ini.

Akhir kata, diharapkan dasar ini tidak menjadi dokumentasi semata-mata, tetapi ianya dapat disebarluaskan dan menjadi rujukan serta difahami oleh semua pihak tentang hasrat kerajaan dalam memperkasakan ilmu pengurusan kekeluargaan. Semoga usaha murni ini mencapai objektif yang diharapkan dalam melahirkan masyarakat yang sejahtera di dunia dan akhirat.

Siiru Ala Barakatillah

Sekian, wassalam

“ALLAH DITAATI, RAJA DISANJUNGI, RAKYAT DIKASIHI”
“MERAKYATKAN MEMBANGUN BERSAMA ISLAM”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“KELANTAN CAKNA KEBAJIKAN”

Dengan hormatnya,



ILVIRA BINTI MOHD DASUKI

Pengarah

Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita
Negeri Kelantan

DASAR ANAK YATIM ISLAH NEGERI KELANTAN

KANDUNGAN

BAHAGIAN PERTAMA - PENDAHULUAN

1. PENGENALAN
2. DEFINISI
3. RASIONAL
4. TEMA
5. FALSAFAH
6. VISI
7. MISI
8. MATLAMAT
9. KONSEP ASAS DALAM MENYANTUNI ANAK YATIM
10. PRINSIP DAN GARIS PANDUAN UTAMA

BAHAGIAN KEDUA - HAK DAN TANGGUNGJAWAB ANAK YATIM

11. SEBELUM KELAHIRAN
12. HADHANAH DAN JAGAAN
13. KAFALAH (PENJAGAAN)
14. KEWANGAN DAN HARTA
15. NAFKAH
16. SEDEKAH DAN ZAKAT
17. SISTEM JAMINAN SOSIAL

18. PENDIDIKAN DAN *TA'DIB*
19. KEKELUARGAAN DAN KERABAT

BAHAGIAN KETIGA - HAL-HAL LAIN

20. PELAKSANAAN
21. PINDAAN
22. PENUTUP

LAMPIRAN 1	- KAFALAH
LAMPIRAN 2	- TATAKELOLA PENGURUSAN ANAK YATIM
	SELEPAS KEMATIAN AYAH
LAMPIRAN 3	- SENARAI KEUTAMAAN HADHIN
LAMPIRAN 4	- SUSUNAN KEUTAMAAN WALI
LAMPIRAN 5	- STRATEGI PELAKSANAAN DASAR

MAKLUMAT AHLI KUMPULAN PENYELIDIK

MAKLUMAT AHLI MESYUARAT SIDANG PAKAR

DASAR ANAK YATIM ISLAH NEGERI KELANTAN

BAHAGIAN PERTAMA - PENDAHULUAN

1. PENGENALAN

- 1.1 Anak yatim adalah kumpulan kanak-kanak rentan yang perlu diberi perhatian, dilindungi, diberdaya dan diperkasa untuk kesejahteraan dan pembangunan masyarakat, negeri, negara dan ummah. Menyedari hakikat ini, satu dasar, strategi dan pelan tindakan khusus perlu dibangunkan dan dilaksanakan bagi memastikan hak-hak dan kepentingan anak yatim terpelihara.
- 1.2 Dasar Anak Yatim Islah Negeri Kelantan (DAYI) ini digubal untuk menjadi panduan dan rujukan bagi menentukan matlamat, nilai, pendekatan, hala tuju dan objektif strategik, perancangan dan program yang dianjurkan di negeri Kelantan dalam menjaga kebijakan dan pembangunan anak yatim selaras dengan dasar kerajaan negeri, iaitu “Membangun Bersama Islam” (MBI).
- 1.3 Dasar Anak Yatim Islah Negeri Kelantan (DAYI) terpakai secara inklusif untuk anak yatim di negeri Kelantan dan semua perkara yang dinyatakan dalam dasar ini hendaklah dihormati dan dilaksanakan kepada anak yatim dengan harmoni dan penuh kasih sayang.

- 1.4 Dasar Anak Yatim Islah Negeri Kelantan (DAYI) hendaklah dibaca bersama dengan Perlembagaan Persekutuan dan dilaksanakan selaras dengan dasar-dasar Kerajaan Negeri Kelantan semasa yang lain serta mana-mana dasar dan peruntukan undang-undang berkaitan sosial, keluarga dan kanak-kanak di peringkat kebangsaan dan antarabangsa setakat mana tidak bercanggah dengan Islam.
- 1.5 Dasar Anak Yatim Islah Negeri Kelantan (DAYI) adalah kesinambungan daripada Dasar Kanak-kanak Fitrah Kelantan (DKF). Semua yang terkandung dalam DKF adalah terpakai dalam DAYI. DAYI melengkapkan DKF dalam konteks pengurusan anak yatim di negeri Kelantan.

2. DEFINISI

Anak Yatim

Anak yatim adalah seorang kanak-kanak yang kematian bapanya dan dia berumur di bawah 18 tahun.

Kafil

Individu yang dilantik oleh mahkamah syariah atau sivil atau pihak yang dipertanggungjawabkan mengikut undang-undang, yang menjaga anak yatim sama ada dengan hartanya sendiri atau harta anak yatim (yang berada di bawah pengawasannya).

Kafalah

Penjagaan anak yatim yang diberikan oleh *kafil* yang meliputi tanggungjawab sebagai pemelihara, penjamin, pelindung, penaja atau penanggung . (Rujuk lampiran 1)

Rusyd

Tahap kematangan anak yatim untuk menilai setiap perkara yang mendatangkan manfaat atau membawa kemudaratan kepada dirinya sendiri. Kaedah penilaian kematangan boleh dilakukan oleh wali atau penjaga bagi kanak-kanak atau pihak yang bertanggungjawab.

Wali

Individu tertentu yang diberi kuasa oleh syarak atau perundangan Islam untuk melaksanakan tanggungjawab perwalian. Wali bertanggungjawab menjaga kepentingan dan keperluan serta melindungi individu di bawah jagaannya.

Wasiat

Iqrar (pengakuan) seorang bapa semasa hayatnya untuk menyempurnakan sesuatu bagi maksud kebajikan atau tanggungan menurut hukum syarak selepas kematiannya.

Hadhin

Individu yang bertanggungjawab menjaga kanak-kanak mengikut ketetapan hukum syarak dan undang-undang.

3. RASIONAL

Penggubalan Dasar Anak Yatim Islah Negeri Kelantan (DAYI) dibuat untuk mencapai perkara-perkara berikut :

- 3.1 Memenuhi matlamat Dasar MBI.
- 3.2 Menjayakan strategi Merakyat Membangun Bersama Islam.
- 3.3 Menyokong Dasar Kanak-Kanak Negara dan DKF.
- 3.4 Menyediakan garis panduan dan tatacara kepentingan anak yatim oleh pihak yang bertanggungjawab.
- 3.5 Melibatkan bersama pelbagai pihak bagi menyediakan sistem sokongan dalam membantu keperluan khas anak yatim.

4. TEMA

Anak Yatim Disantuni, Ummah Diberkati

5. FALSAFAH

Meyakini kecaknaan terhadap perkembangan, kepentingan dan kebijakan anak yatim adalah tanggungjawab yang perlu digembleng secara bersinergi dan harmoni oleh pelbagai pihak untuk melahirkan keperibadian anak yatim yang soleh dan *musleh*, mandiri, berjiwa besar dan bermanfaat ke arah membina generasi rabbani.

6. VISI

Membangun Anak Yatim Cemerlang ke Arah Generasi Rabbani

7. MISI

Membentuk jati diri anak yatim yang cemerlang, mandiri dan berjiwa besar melalui libatsama dan kecaknaan kerabat, masyarakat dan kerajaan ke arah membina ummah yang sejahtera dan direndai Allah SWT.

8. MATLAMAT

Dasar Anak Yatim Islah Negeri Kelantan (DAYI) bermatlamat untuk memelihara, melindungi, membangun, mengupayakan dan memartabatkan anak yatim melalui penyediaan sistem dan persekitaran yang mesra anak yatim selari dengan Dasar Membangun Bersama Islam Negeri Kelantan ke arah memastikan, antaranya:

- 8.1 Anak yatim, wali, penjaga, keluarga, kejiranan dan masyarakat mengetahui, memahami dan menunaikan hak-hak khusus anak yatim untuk kelangsungan hidup, perlindungan, perkembangan dan penyertaan;
- 8.2 Anak yatim mendapat perlindungan dan pendidikan daripada pelbagai aspek terutamanya akidah, keagamaan, sahsiah dan sosio-ekonomi serta menjaga perkembangan fizikal, kognitif, budaya dan sosio-emosi;
- 8.3 Anak yatim mendapat pendedahan dan pendidikan berkaitan kemahiran pengurusan harta dan kewangan;
- 8.4 Anak yatim mendapat perlindungan daripada sebarang penyalahgunaan, manipulasi, penyelewengan, eksplorasi,

diskriminasi, pengabaian, mangsa jenayah, keganasan, pemerdagangan orang dan buruh kanak-kanak;

8.5 Anak yatim mempunyai hak untuk bersuara, menyertai dan melibatkan diri dalam pelbagai bidang serta mendapat sokongan pelbagai pihak dalam meningkatkan potensi dan bakat mereka.

9. KONSEP ASAS DALAM MENYANTUNI ANAK YATIM

9.1 Ihsan (إحسان)

Melakukan kebaikan dengan penuh keikhlasan kerana Allah.

(Al-Nisa' 4:36)

9.2 Ikram (إكرام)

Memuliakan anak yatim melalui penghormatan yang dizahirkan secara perbuatan dan perkataan dengan cara yang terbaik.

(Al-Fajr 89:17)

9.3 Islah (إصلاح)

Menambahbaik pengurusan anak yatim tanpa menyusahkan pihak

penjaga. (Al-Baqarah 2: 220)

9.4 Qist (قسط)

Menunaikan hak dan keperluan seseorang anak yatim secara saksama. *Qist* terhadap anak yatim ialah dengan menunaikan hak-hak mereka secara jujur, cermat, bertimbang rasa dan tidak pilih

kasih sehingga semua pihak merasa senang dan saling meredai.
(Al-An'am 6:152, Al-Nisa' 4:127)

9.5 Ma'ruf (المعروف)

Ma'ruf meliputi setiap perbuatan baik terhadap anak yatim mengikut norma masyarakat yang tidak bercanggah dengan syariat. *Ma'ruf* kepada anak yatim bermaksud keharusan *kafil* yang miskin menggunakan harta anak yatim dengan cara dan kadar yang lazim dan wajar untuk kemaslahatan anak yatim tanpa melampaui batas. *Ma'ruf* juga merujuk kepada cara berkomunikasi dengan anak yatim secara baik. (Al-Nisa' 4:6 dan 8)

9.6 Birr (بر)

Meliputi seluruh kebajikan terhadap anak yatim yang dilakukan semata-mata kerana beriman kepada Allah SWT dan Rasul-Nya demi mencapai kesejahteraan di dunia dan akhirat. Menyantuni anak yatim terutama dengan membelanjakan harta yang disayangi adalah sebahagian daripada maksud kebajikan dalam ayat tersebut. (Al-Baqarah 2:177)

10. PRINSIP DAN GARIS PANDUAN UTAMA

10.1 Dasar Anak Yatim Islah Negeri Kelantan (DAYI) selaras dengan Dasar MBI yang menjadi paksi dalam segala gerak kerja kerajaan

negeri untuk menyantuni anak yatim berasaskan Ubudiyah, Mas`uliyyah dan Itqan.

- 10.2 Dasar Anak Yatim Islah Negeri Kelantan (DAYI) menghormati sistem nilai dan kepelbagaian cara hidup dengan memberikan ruang kepada mana-mana pihak untuk menguruskan hal ehwal anak yatim menurut asas kepercayaan agama masing-masing.
- 10.3 Islam telah menyediakan sistem penjagaan anak yatim dan tatacara pengurusan harta mereka dalam mendidik umatnya menyantuni anak yatim agar mereka memiliki jati diri, berkeperibadian tinggi dan berdikari (Al-Dhuha 93: 6-9). Justeru Nabi Muhammad ﷺ adalah model anak yatim dan penjaga anak yatim terbaik yang wajar dicontohi.
- 10.4 Wali dan kafil berperanan untuk memastikan anak yatim dipelihara, dikasihi, dilindungi, diberi nafkah, keperluan asas dan pendidikan yang sempurna.

Hendaklah orang yang mampu memberi nafkah menurut kemampuannya; dan sesiapa yang di sempitkan rezekinya, maka hendaklah ia memberi nafkah dari apa yang diberikan Allah kepadanya (sekadar yang mampu); Allah tidak memberati seseorang melainkan (sekadar kemampuan) yang diberikan Allah kepadanya. (Orang-orang yang dalam kesempitan hendaklah ingat bahawa) Allah akan memberikan kesenangan sesudah

berlakunya kesusahan.

(al-Talaq 65:7)

10.5 Waris hendaklah memberikan keutamaan dalam menunaikan hak kepada anak yatim yang mempunyai hubungan kekeluargaan dengannya.

(kepada) anak yatim yang ada hubungan kerabat,

(al-Balad 90:15)

10.6 Wanita yang mempunyai hubungan kekeluargaan dengan anak yatim juga boleh menjadi kafil kepada mereka dan mendapat pahala sedekah sekiranya berbuat demikian.

Ummu Salamah berkata: "Rasulullah memerintahkan kami bersedekah. Zainab, isteri Abdullah berkata: 'Adakah diterima sebagai sedekah di pihakku jika aku bersedekah kepada suamiku yang fakir, dan kepada anak-anak saudara lelakiku yang yatim, nafkahkan itu dan ini kepada mereka, dan dalam semua keadaan?' Baginda bersabda: 'Ya.'"

(Sunan Ibn Majah)

10.7 Memberi nafkah kepada anak yatim adalah tuntutan utama selepas nafkah kepada ibu bapa dan kaum kerabat.

Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad): apakah yang akan mereka belanjakan (dan kepada siapakah)? Katakanlah: "Apa jua harta benda (yang halal) yang kamu belanjakan maka

berikanlah kepada: Kedua-dua ibu bapa, dan kaum kerabat, dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, dan orang-orang yang terlantar dalam perjalanan. Dan (ingatlah), apa jua yang kamu buat dari jenis-jenis kebaikan, maka sesungguhnya Allah sentiasa mengetahuinya (dan akan membalaas dengan sebaik-baiknya).

(Al-Baqarah 2: 215)

10.8 *Kafil hendaklah bersifat amanah dalam pengurusan harta anak yatim.*

Dan berikanlah kepada anak-anak yatim (yang telah baligh) itu harta mereka, dan janganlah kamu tukar-gantikan yang baik dengan yang buruk; dan janganlah kamu makan harta mereka (dengan menghimpunkannya) dengan harta kamu; kerana sesungguhnya (yang demikian) itu adalah dosa yang besar.

(Al-Nisa' 4:2)

10.9. Penilaian kematangan anak yatim hendaklah dilakukan apabila mereka telah mencapai tahap *rusyd* sebelum penyerahan harta dibuat kepada mereka menurut syariat Islam dan undang-undang. *Dan ujilah anak-anak yatim itu (sebelum baligh) sehingga mereka cukup umur (dewasa). Kemudian jika kamu nampak dari keadaan mereka (tanda-tanda yang menunjukkan bahawa mereka) telah cerdik dan berkebolehan menjaga hartanya, maka serahkanlah kepada mereka hartanya; dan janganlah kamu makan harta anak-*

anak yatim itu secara yang melampaui batas dan secara terburu-buru (merebut peluang) sebelum mereka dewasa. Dan sesiapa (di antara penjaga harta anak-anak yatim itu) yang kaya maka hendaklah ia menahan diri (dari memakannya); dan sesiapa yang miskin maka bolehlah ia memakannya dengan cara yang sepatutnya. Kemudian apabila kamu menyerahkan kepada mereka hartanya, maka hendaklah kamu adakan saksi-saksi (yang menyaksikan penerimaan) mereka. Dan cukuplah Allah sebagai Pengawas (akan segala yang kamu lakukan).

(Al-Nisa' 4:6)

10.10 Kafil wajib memelihara kepentingan dan harta anak yatim dengan suci hati tanpa mengambil dan menggunakannya secara bersalah dengan undang-undang atau memanipulasinya.

Dan janganlah kamu hampiri harta anak yatim melainkan dengan cara yang baik (untuk mengawal dan mengembangkannya), sehingga ia baligh (dewasa, serta layak mengurus hartanya dengan sendiri); dan sempurnakanlah segala sukat dan timbangan dengan adil." - Kami tidak memberatkan seseorang dengan kewajipan melainkan sekadar kesanggupannya - "dan apabila kamu mengatakan sesuatu (semasa membuat apa-apa keterangan) maka hendaklah kamu berlaku adil, sekalipun orang itu ada hubungan kerabat (dengan kamu); dan perjanjian (perintah-perintah) Allah hendaklah kamu sempurnakan. Dengan

yang demikian itulah Allah perintahkan kamu, supaya kamu beringat (mematuhiNya). (Al-An'am 6: 152)

10.11 Islam mengangkat kedudukan yang sangat tinggi kepada *kafil* yang memelihara anak yatim.

“Saya dan orang yang menanggung (memelihara) anak yatim (dengan baik) bagaikan ini di dalam syurga,” sambil Baginda memberi isyarat dengan jari telunjuk dan jari tengah dan baginda merenggang kedua-dua jarinya itu.

(Sahih al-Bukhari)

10.12 Menyantuni anak yatim merupakan kewajiban sosial setiap orang Islam.

“Seseorang lelaki mengadu kepada Rasulullah ﷺ tentang hatinya yang keras, lalu Baginda berkata kepadanya: “Jika engkau ingin melembutkan hatimu, maka berilah makan kepada orang miskin dan usaplah kepala anak yatim.”

(Musnad Imam Ahmad: 7522)

10.13 Kerajaan perlu menyediakan peruntukan khas kepada anak yatim.

Dan ketahuilah, bahawa apa sahaja yang kamu dapati sebagai harta rampasan perang, maka sesungguhnya satu perlimanya (dibahagikan) untuk (jalan) Allah, dan untuk Rasul-Nya, dan untuk kerabat (Rasulullah), dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, serta ibn sabil (orang musafir yang terputus bekalan), jika kamu beriman kepada Allah dan kepada apa yang

telah diturunkan oleh Kami (Allah) kepada hamba Kami (Muhammad) pada “Hari Al-Furqaan”, iaitu hari bertemunya dua angkatan tentera (Islam dan kafir, di medan perang Badar). Dan (ingatlah) Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.

(Al-Anfal 8: 41)

BAHAGIAN KEDUA – HAK DAN TANGGUNGJAWAB ANAK YATIM

Anak yatim mempunyai hak yang perlu dipenuhi. Wali, ahli keluarga, *kafil*, pihak berkuasa dan anggota masyarakat bertanggungjawab memastikan anak yatim dapat memperolehi hak dan melaksanakan tanggungjawab mereka. Pelaksanaan hak dan tanggungjawab yang terkandung dalam dasar ini mestilah selari dengan hukum syarak, undang-undang dan fitrah.

11. SEBELUM KELAHIRAN

- 11.1 Ibu hamil yang kematian suami berhak mendapat jagaan kesihatan sepanjang proses kehamilan.
- 11.2 Ibu hamil yang kematian suami berhak mendapat nafkah iddah daripada harta suaminya.
- 11.3 Janin berhak ke atas wasiat dan mewarisi harta pusaka bapanya apabila menepati syarat-syarat yang telah ditetapkan.

12. PENYUSUAN (RADHAAH), HADHANAH DAN JAGAAN

- 12.1 Anak yatim berhak:
 - a) Mendapat penyusuan ibu (radhaah) selama dua tahun.
 - b) Mendapat hadhanah dan jagaan mengikut susunan keutamaan dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan.
 - c) Mendapat pertimbangan yang wajar dalam menjaga kebijakan mengikut kepentingan terbaik anak yatim tersebut.

- d) Membuat pilihan untuk memilih hadhin apabila mencapai umur mumayyiz.

12.2 Keutamaan *hadin*:

- a) Ibu berhak mendapat hak hadhanah anak selepas kematian suaminya selagi memenuhi syarat dalam hukum syarak dan undang-undang.
- b) Sekiranya ibu juga meninggal dunia, hak hadhanah bolehlah diberikan kepada waris mengikut susunan keutamaan yang disenaraikan dalam hukum syarak dan Enakmen Keluarga Islam Kelantan.

12.3 Anak yatim bertanggungjawab:

- a) Menghormati dan mentaati penjaga sebagaimana dia mentaati kedua ibu bapanya.
- b) Menghormati dan mengekalkan hubungan yang baik dengan keluarga penjaga setelah mereka dewasa.
- c) Menyantuni penjaga dan keluarganya dengan sopan dan beradab.
- d) Menjaga batasan syariat dalam bergaul dengan ahli keluarga yang bukan mahram.

12.4 Satu perintah mahkamah hendaklah diperolehi bagi menentukan pelantikan *hadin*, penjaga atau *kafil* bagi menjaga kepentingan dan kemaslahatan anak yatim termasuk untuk jagaan,

pemeliharaan, kasih sayang, perkhidmatan kesihatan, pendidikan, sokongan dan jaminan sosial.

13. KAFALAH (PENJAGAAN)

13.1 Anak yatim berhak mendapat *kafalah* terutamanya daripada wali atau individu yang mempunyai hubungan waris dan kerabat dengannya sebagai memenuhi sebahagian tanggungjawab kekeluargaan.

13.2 Jaminan *kafalah* diberikan kepada anak yatim dalam aspek kebijakan, pendidikan, perkembangan diri, kesihatan, kewangan, harta dan keperluan hidup.

13.3 *Kafalah* juga termasuklah bantuan kewangan dan atau tajaan daripada mana-mana pihak sama ada secara persendirian, NGO dan agensi kerajaan.

13.4 *Kafalah* dalam penjagaan anak yatim boleh dilaksanakan sama ada;

- a) secara fizikal di rumah kediaman *kafil*,
- b) penajaan kos kehidupan anak yatim yang tidak tinggal bersama *kafil*,
- c) penjagaan anak yatim di rumah perlindungan.

13.5 Anak yatim bertanggungjawab:

- a) untuk menjaga diri, akhlak dan kewangannya dengan baik,
- b) menghormati *kafil* dan sentiasa mendoakan kebaikan untuk mereka,
- c) untuk berbakti kepada *kafil* setelah mereka dewasa.

13.6 Satu perintah mahkamah hendaklah diperolehi bagi menentukan pelantikan *kafil* atau wasi bagi menjaga dan menguruskan kepentingan harta anak yatim.

13.7 Sekiranya *kafil* tidak berkemampuan maka dia dibolehkan menggunakan harta anak yatim setakat yang dibenarkan oleh hukum syarak.

14. KEWANGAN DAN HARTA

14.1 Harta anak yatim hendaklah dibangunkan dan dikembangkan mengikut hukum syarak dan undang-undang.

14.2 Anak yatim berhak:

- a) memiliki, menerima, mewarisi dan memberi aset mengikut kaedah yang dibenarkan oleh undang-undang.
- b) menuntut harta pusaka, hibah dan wasiat serta menguruskan serta menjana aset secara berhemah apabila dia telah mencapai tahap *rusyd* (matang).

14.3 Pengurusan harta anak yatim hendaklah diserahkan kepada penjaga yang diamanahkan oleh bapanya melalui wasiat. Sekiranya tiada wasiat, maka ia diserahkan kepada ibu atau wali atau wasi yang ditentukan oleh kerajaan kepada anak yatim tersebut sehingga anak yatim memenuhi ciri *rusyd*.

14.4 Penjaga harta anak yatim atau pihak yang bertanggungjawab:

- a) menunaikan semua kewajipan berkaitan dengan harta tersebut.
- b) mengembangkan harta anak yatim dan melindunginya daripada penyalahgunaan, penyelewengan, kehilangan dan pembaziran.

14.5 Penjaga perlu menilai keupayaan anak yatim dalam menguruskan harta dengan menguji tahap *rusyd* mengikut proses undang-undang sebelum penyerahan harta dibuat.

15. NAFKAH

15.1. Keutamaan memberi nafkah adalah di bawah tanggungjawab waris sebelah bapanya, sebagaimana susunan keutamaan wali mengikut peruntukan Enakmen Keluarga Islam Kelantan.

15.2. Anak yatim berhak menerima nafkah daripada hartanya sendiri jika dia mempunyai harta. Sekiranya anak yatim tidak berharta atau hartanya tidak mencukupi, maka dia berhak menerima nafkah daripada wali atau *kafil*, dan jika dia tidak mempunyai kedua-duanya, maka kerajaan bertanggungjawab memberi nafkah kepadanya.

15.3. Kadar nafkah yang dianggap mencukupi diukur mengikut kepada uruf atau adat setempat, kebiasaan dan kemampuan pihak yang memberi nafkah.

15.4. Belanjawan kerajaan perlu mempunyai peruntukan khas untuk nafkah anak yatim.

16. SEDEKAH DAN ZAKAT

16.1 Anak yatim yang miskin berhak untuk menerima sedekah dan zakat melalui *kafil*.

16.2 Anak yatim yang mempunyai harta bertanggungjawab menunaikan zakat melalui *kafil*.

16.3 Penjaga dan pemegang amanah anak yatim tidak berhak mengambil dan menggunakan harta anak yatim untuk sebarang tujuan termasuklah bersedekah, derma dan aktiviti kebajikan.

17. SISTEM JAMINAN SOSIAL

17.1 Masyarakat dan agensi kerajaan bertanggungjawab untuk menyediakan sistem jaminan sosial bagi melindungi kepentingan anak yatim.

17.2 Anak yatim merupakan sebahagian daripada penerima dan pembawa keberkatan dalam sistem jaminan sosial kehidupan bermasyarakat.

17.3 Sistem jaminan sosial hendaklah mengambil kira fitrah, keperluan dan kebajikan anak yatim.

17.4 Anak yatim berhak mendapat:

a) perlindungan, penjagaan, pergaulan, pengiktirafan, keraian, keadilan, kesaksamaan dan bantuan bagi memastikan kebajikan dan keperluan hidup mereka terpelihara.

b) manfaat daripada sistem jaminan sosial yang disediakan pihak berkuasa dan agensi-agensi yang berkaitan termasuklah skim bantuan, zakat, manfaat kebajikan, rumah perlindungan, peruntukan syarak, undang-undang dan sebagainya.

18. PENDIDIKAN DAN *TA'ADIB*

18.1 Anak yatim berhak:

- a) mendapat pendidikan berpandukan al-Quran dan al-Sunnah dan bagi yang bukan Islam bebas mengikut agama mereka;
- b) mendapat pendidikan yang baik daripada penaganya;
- c) mendapat pendidikan dalam suasana kekeluargaan dan penuh kasih sayang.

18.2 Anak yatim berhak untuk mendapat pendidikan dan latihan khas meliputi:

- a) perkembangan psikologi dan kesihatan emosi anak-anak yang kehilangan kasih sayang seorang ayah dan atau ibu;
- b) pembinaan jati diri dan bimbingan untuk menjadi insan yang soleh, mandiri dan berjiwa besar;
- c) pendidikan yang berasaskan kemahiran hidup yang membolehkan mereka untuk mengurus diri dan kehidupan;
- d) pendidikan pengurusan kewangan dan harta sebagai persediaan untuk mereka menerima tanggungjawab mengurus harta dan kehidupannya;
- e) pendidikan adab, akhlak dan etika yang baik dalam kehidupan.

18.3 Anak yatim bertanggungjawab untuk belajar dan menunaikan kewajipannya sebagai seorang penuntut ilmu dan kemahiran untuk hidup berdikari.

19. KEKELUARGAAN DAN KERABAT

19.1 Anak yatim berhak hidup dengan penuh kasih sayang bersama keluarga yang menjaganya serta mendapat jagaan yang baik dari ahli keluarganya.

19.2 Anak yatim bertanggungjawab :

- a) mendoakan kedua ibu bapanya sama ada mereka masih hidup ataupun sudah meninggal dunia.
- b) menjalin dan menjaga hubungan silaturahim ke atas ahli keluarga, kerabat dan sahabatnya.

BAHAGIAN KETIGA – HAL-HAL LAIN

20. PELAKSANAAN

Dasar Anak Yatim Islah Negeri Kelantan (DAYI) dilaksanakan secara berfasa mengikut pelan tindakan berpandukan Strategi Pelaksanaan Dasar seperti di Lampiran 4.

21. PINDAAN

Sebarang pindaan yang dibuat ke atas teks Dasar Anak Yatim Islah Negeri Kelantan (DAYI) perlulah dipersetujui di peringkat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kelantan.

22. PENUTUP

Setiap anggota masyarakat perlu memainkan peranan dalam menyantuni anak yatim. Peranan kerajaan negeri adalah untuk memastikan matlamat Dasar Anak Yatim Islah Negeri Kelantan (DAYI) ini akan tercapai. Oleh itu, kefahaman, kerjasama, komitmen dan dukungan oleh semua pihak dalam melaksanakan Dasar Anak Yatim Islah Negeri Kelantan (DAYI) adalah penting demi kesejahteraan masyarakat dan ummah.

LAMPIRAN 1

KAFALAH

Kafalah meliputi tanggungjawab sebagai pemelihara, penjamin, pelindung, penaja, penanggung atau kafil diri dan harta anak yatim. Ia bertujuan untuk menjaga kebajikan, kepentingan dan hak anak yatim dengan penuh kasih sayang dan keprihatinan dari pelbagai aspek terutamanya:

- a. pendidikan dan akhlak,
- b. perkembangan minda, psikologi, kerohanian dan fizikal,
- c. keperluan hidup seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal,
- d. pengurusan dan penyuburan hartanya (sekiranya ada),
- e. penjagaan kesihatan.

***Kafil* boleh terdiri daripada kategori-kategori berikut:**

- Pertama : Merupakan waris dan kerabat anak yatim.
Kedua : Tiada hubungan kekeluargaan dengan anak yatim.
Ketiga : Institusi kerajaan, swasta atau pertubuhan yang menubuhkan rumah perlindungan anak yatim.

Bentuk Kafalah

a. Jagaan dan Pemeliharaan

1. Penjagaan anak yatim secara fizikal di rumah kediaman kafil.
2. Penjagaan anak yatim di rumah perlindungan.

b. Saraan dan Penajaan

1. Saraan boleh diberikan dalam bentuk harian dan tahunan untuk nafkah kehidupan dan keperluan anak yatim.
2. Penajaan dan bantuan secara sekaligus atau berkala untuk menanggung sebahagian daripada kos kehidupan dan keperluan anak yatim.

c. Jaminan dan perlindungan

1. Jaminan dan perlindungan kepada anak yatim mengikut keperluan dan undang-undang semasa bagi urusan anak yatim.
2. Jaminan meliputi keselamatan, perakuan diri, persetujuan dan kebenaran bagi rujukan kesihatan.
3. Jaminan untuk memasuki sebarang perjanjian atau kontrak dan tindakan undang-undang seperti biasiswa pendidikan, menerusi pelantikan sebagai *guardian ad litem*, sahabat wakil dan pemegang amanah bagi mewakili anak yatim.

Keutamaan kafalah ialah penjagaan anak yatim secara fizikal di kediaman atau dalam komuniti *kafil* memandangkan kanak-kanak perlukan kasih sayang, asuhan, pendidikan, kesihatan, perhatian, sentuhan, ruang dan interaksi bersama keluarga.

Keutamaan pemilihan *kafil*

Pihak berkuasa perlu mengutamakan individu yang merupakan waris dan kerabat anak yatim menjadi *kafil* sebagai memenuhi sebahagian tanggungjawab kekeluargaan.

Bagi pemilihan *kafil* selain institusi, individu tersebut mestilah:

1. Sudah mencapai umur dewasa.
2. Berfikiran waras.
3. Beragama Islam bagi *kafil* yang ingin menjaga anak yatim di rumahnya.
4. Bersih daripada sebarang rekod jenayah.
5. Berkemampuan untuk menguruskan harta anak yatim.

Kewajipan mematuhi proses perundangan:

1. Semua *kafil* wajib mengikut peruntukan undang-undang di Malaysia berkaitan penjagaan anak yatim sama ada secara fizikal di kediaman *kafil* atau di rumah perlindungan.
2. Mendapat persetujuan mana-mana waris bagi anak yatim, jika ada.

Tanggungjawab *Kafil*

1. Memenuhi semua tanggungjawab dan hak anak yatim-
2. Menjaga kepentingan anak yatim dengan amanah.
3. Berinteraksi, bergaul dan melayan anak yatim secara penuh kasih sayang dan ihsan.
4. Memenuhi nafkah anak yatim.

5. Membelanjakan harta untuk menyara anak yatim jika *kafil* berkemampuan.
6. Memberikan pendidikan dan asuhan mengikut kehendak agama, budaya dan kepercayaan.
7. Mengurus, mentadbir dan menyuburkan harta anak yatim dengan amanah.

Hubungan antara *kafil* dan anak yatim:

- a. Bagi maksud orang Islam, penjagaan anak yatim di bawah konsep kafalah tidak boleh dimaksudkan sebagai pengangkatan anak.
- b. Bagi maksud orang Islam, anak yatim tidak boleh dinasabkan kepada *kafil*.

LAMPIRAN 2

TATAKELOLA PENGURUSAN ANAK YATIM SELEPAS KEMATIAN AYAH

- 1) Memberikan sokongan dan perhatian daripada sudut kekuatan mental dan spiritual untuk bertenang dalam menerima kehilangan ayah yang menjadi tempat bergantung.
- 2) Keutamaan dalam melantik *kafil* bagi menggantikan peranan ayah yang meninggal dunia hendaklah melalui perintah mahkamah.
- 3) Melakukan perbincangan untuk mengagihkan tanggungjawab terhadap anak-anak yatim dalam kalangan ahli keluarga dari sudut pengurusan harta pusaka dan hak penjagaan anak yatim tersebut.
- 4) Menjaga anak yatim tersebut dari sudut tempat tinggalnya, makanannya, pakaianya, tempat tidur, kebersihan diri, keselamatan dan kesihatan berdasarkan kepentingan terbaik anak yatim tersebut.
- 5) Harta milik anak yatim sama ada diperoleh melalui pusaka atau hibah hendaklah diurus oleh *kafil* dengan amanah. *Kafil* hanya bertindak sebagai pemegang amanah hingga mereka mampu mengambil alih harta tersebut.

- 6) Sekiranya *kafil* tidak berkemampuan maka dia dibolehkan mengguna harta anak yatim sekadar yang dibenarkan oleh mahkamah.
- 7) Jika anak yatim tersebut tidak mempunyai harta, menjadi kewajipan bagi penjaga untuk menanggung nafkahnya atau berusaha memenuhi keperluan anak yatim tersebut.
- 8) *Kafil* hendaklah menanam kecintaan dan kepercayaan dalam diri anak yatim bagi memaknakan kewujudan dan menguatkan perwatakannya, sehingga ada padanya semangat yang kuat dan keyakinan diri kerana selepas kehilangan ayah mereka hilang tokoh dan figura yang kuat untuk dijadikan pautan.
- 9) Memberi perlindungan daripada segala jenis penderaan seperti penderaan mental, fizikal dan seksual.
- 10) Memberikan perlindungan melalui pendidikan bagi menyiapkan mereka dari segi kekuatan mental dan spiritual untuk menjadi seorang manusia yang matang.
- 11) Melakukan pendokumentasian tentang pengurusan anak yatim yang terlibat termasuklah proses pengangkatan (jika perlu).

- 12) Merekodkan dan memperincikan kadar dan jenis harta secara bertulis di hadapan saksi bagi mengelakkan sebarang pertikaian ketika proses penyerahan harta apabila anak yatim mencapai umur dewasa menurut undang-undang dan syarak.
- 13) *Hadhin*, penjaga dan kafil yang tidak berkemampuan mestilah berusaha untuk memenuhi keperluan anak yatim tersebut.
- 14) Sekiranya tidak mempunyai wali untuk mengurus penjagaan anak yatim tersebut, masyarakat mesti menyerahkannya melalui pihak berkuasa dengan kaedah yang sah.
- 15) Jika ibu yang menjadi kafil kepada anak yatim berkahwin semula, tanggungjawabnya sebagai kafil masih berterusan selagi tiada tuntutan dibuat oleh pihak lain di mahkamah.
- 16) Meskipun anak yatim sudah mencapai umur dewasa, wali masih bertanggungjawab menjaga perkembangan dan pembangunan diri mereka terutama dalam pendidikan fardu ain, akhlak dan sosial seperti kanak-kanak yang lainnya.

Sebagai ilustrasi, sekiranya anak yatim tersebut penerima pencen atau lain-lain terimaan termasuklah KWSP, PERKESO, takaful, tabungan, simpanan dan lain-lain daripada ayahnya atau ibunya, suatu perintah mahkamah mestilah diperolehi terlebih dahulu

sebelum *kafilnya* menggunakan atau mengagihkan wang tersebut untuk kegunaan anak yatim mengikut kadar keperluan menurut hukum syarak dan undang-undang. Manakala, baki daripada penceن tersebut adalah hak mutlak kepada anak yatim dan hendaklah disimpan sebagai harta anak yatim tersebut.

LAMPIRAN 3

SENARAI KEUTAMAAN HADHIN

Senarai keutamaan hadhin selepas kematian bapa berdasarkan hukum syarak dan undang-undang Islam di negeri Kelantan:

- a) Ibu
- b) Nenek sebelah ibu hingga ke atas;
- c) Nenek sebelah bapa hingga ke atas;
- d) Kakak atau adik perempuan seibu sebapa;
- e) Kakak atau adik perempuan seibu;
- f) Kakak atau adik perempuan sebapa;
- g) Anak perempuan dari kakak atau adik perempuan seibu sebapa;
- h) Anak perempuan dari kakak atau adik perempuan seibu;
- i) Anak perempuan dari kakak atau adik perempuan sebapa;
- j) Emak saudara sebelah ibu;
- k) Emak saudara sebelah bapa;
- l) Waris lelaki yang boleh menjadi warisnya sebagai 'asabah atau residuari:

LAMPIRAN 4

SUSUNAN KEUTAMAAN WALI

Senarai keutamaan wali selepas kematian bapa berdasarkan hukum syarak:

- (a) Datuk sebelah bapa ke atas.
- (b) Saudara lelaki seibu sebapa.
- (c) Saudara lelaki sebapa.
- (d) Anak saudara lelaki seibu sebapa ke bawah.
- (e) Anak saudara lelaki sebapa ke bawah.
- (f) Bapa saudara sebelah bapa seibu sebapa.
- (g) Bapa saudara sebelah bapa sebapa.
- (h) Anak lelaki bapa saudara sebelah bapa seibu sebapa ke bawah.
- (i) Anak lelaki bapa saudara sebelah bapa sebapa ke bawah.
- (j) Bapa saudara bapa seibu sebapa.
- (k) Bapa saudara bapa sebapa.
- (l) Anak lelaki bapa saudara bapa seibu sebapa.
- (m) Anak lelaki bapa saudara bapa sebapa ke bawah
- (n) Bapa saudara nenek lelaki seibu sebapa.
- (o) Bapa saudara nenek lelaki sebapa.
- (p) Anak lelaki bapa saudara nenek lelaki sebapa ke bawah.
- (q) Raja (wali am).

LAMPIRAN 5

STRATEGI PELAKSANAAN DASAR

Untuk memastikan Dasar Anak Yatim Islah Negeri Kelantan (DAYI) dapat dilaksanakan dengan baik, strategi berikut digariskan bagi mencapai matlamat dan objektif yang telah ditetapkan serta menentukan tahap keberkesanan pelaksanaan dan tindakannya.

1. Kesedaran

- 1.1 Membangkitkan kesedaran dan keprihatinan semua pihak mengenai ilmu, isu dan perkembangan anak yatim.
- 1.2 Meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan layanan baik, pengasuhan dan pendidikan anak yatim dengan penuh kasih sayang bermula dari dalam kandungan.
- 1.3 Semua dasar berkaitan anak yatim yang akan dibuat pada masa akan datang perlu selari dengan Dasar Anak Yatim Islah Negeri Kelantan (DAYI).

2. Kefahaman

- 2.1 Membina kefahaman pelbagai pihak dan agensi tentang peranan institusi keluarga dan masyarakat dalam pembangunan dan perkembangan anak yatim.
- 2.2 Memantapkan kefahaman masyarakat tentang kepentingan perkembangan dan perlindungan kepentingan terbaik anak yatim yang memandu tindakan masyarakat.

3. Pembinaan

- 3.1 Meningkatkan kualiti hidup anak yatim khususnya pendidikan ke arah melahirkan generasi kepimpinan negara yang berkualiti dan rabbani.
- 3.2 Menetapkan matlamat yang objektif ke arah pembentukan jiwa dan jati diri anak yatim yang soleh berdasarkan al-Quran dan Sunnah sehingga menjadi aset ummah yang rabbani.
- 3.3 Memastikan kebijakan, nafkah dan penajaan anak yatim diberi keutamaan dalam pembinaan keluarga dan masyarakat yang sejahtera.

4. Penghayatan

- 4.1 Memantapkan perkembangan anak yatim bagi membina individu yang mempunyai peranan dan tanggungjawab untuk menyokong pembangunan keluarga yang seimbang.

5. Penilaian

- 5.1 Menilai dan menyemak semua polisi kerajaan dan undang-undang yang sedia ada agar bertepatan dengan usaha untuk memperkasa perkembangan dan kesejahteraan anak yatim.
- 5.2 Memantau pelaksanaan dan keberkesanan program, modul dan latihan supaya selaras dengan matlamat dan objektif Dasar Anak Yatim Islah Negeri Kelantan (DAYI).

6. Penambahbaikan

6.1 Menambahbaik perancangan dan program akan datang bagi menjayakan Dasar Anak Yatim Islah Negeri Kelantan (DAYI).

MAKLUMAT AHLI KUMPULAN PENYELIDIK

- Ketua:** **YBrs. Dr. Nurul Akma binti Mohamad**
Ketua Jabatan Al-Syariah
Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS)
- Ahli :** **YBhg. Puan Asmak binti Husin**
Mantan Ahli Dewan Negara Malaysia
- YBhg. Dr. Nurhafilah binti Musa**
Pensyarah Fakulti Undang-Undang (UKM)
- YBrs Prof Madya Dr. Mohd Al-Adib bin Samuri**
Timbalan Pengarah
Institut Islam Hadhari (UKM)
- YBhg. Puan Wan Nor Ainan binti Wan Abdullah**
Penulis Buku
- YBhg. Puan Mazidah binti Mohammad**
Penulis Buku

MAKLUMAT AHLI MESYUARAT SIDANG PAKAR

1. YB Dato' Hajah Mumtaz binti Md. Nawi (D.J.M.K, J.M.K, (Kelantan)

Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga Dan Wanita Kerajaan Negeri Kelantan

2. YB Rohani binti Ibrahim

Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga Dan Wanita Kerajaan Negeri Kelantan

3. YAA. Dato' Haji Abu Bakar bin Abdullah Kutty

Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Negeri Kelantan

4. YB Dato' Hj Hassan bin Mohamood

Pengerusi Kelab Penyokong Kerajaan (BBC)

5. YB Senator Dr Hjh Wan Martina binti Wan Yusoff

Ahli Dewan Negara

6. YABrs. Puan Ilvira binti Mohd Dasuki

Pengarah
Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga Dan Wanita

7. YABrs. Tuan Said bin Sidup

Pengarah
Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kelantan

8. YABrs. Dato' Dr. Johari bin Mat

Pengarah
Institut Pemikiran Tok Guru (IPTG) Dato' Bentara Setia

9. YBrs. Datuk Mohamad bin Haji Abdullah

Mantan Hakim Mahkamah Rayuan

Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia

10. YABrs. Dr Wan Nik bin Wan Yusof

Pengarah Pusat Kajian Strategik

11. YABrs. Dr. Nazmi Ghazali bin Azmi

Pengarah Unit Pemantauan Dan Pelaksanaan Strategik

Pejabat Menteri Besar (SPARK)

12. YABrs. Ustaz Zulqarnain bin Hassan

Pengarah Yayasan Amanah Tok Kenali

13. YABrs. Prof. Dato' Ts. Dr. Noor Azizi bin Ismail

Profesor Fakulti Keusahawanan Dan Perniagaan

Universiti Malaysia Kelantan (UMK)

14. YABrs. Tuan Haji Zulkifle bin Ab Rahman

Timbalan Yang Dipertua

Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK)

15. YABrs. En. Zulkernai bin Fauzi

Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan

16. YBrs. Dr. Nurul Akma binti Mohamad

Ketua Jabatan Al-Syariah

Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS)

17. YBrs. Ustaz Saibon bin Ismail

Pegawai Agama Jajahan Kuala Krai

18. YBhg. Puan Asmak binti Husin

Mantan Ahli Dewan Negara Malaysia

19. YBhg. Dr. Nurhafilah binti Musa

Pensyarah Fakulti Undang-Undang

Universiti Malaysia Kelantan (UKM)

20. YBrs Prof Madya Dr. Mohd Al-Adib bin Samuri

Timbalan Pengarah

Institut Islam Hadhari (UKM)

21. YBrs. Puan Mas Rozita binti Mas Mohamad

Timbalan Pengarah

Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga Dan Wanita

22. YBrs. Puan Masleza binti Muhammad

Ketua Penolong Pengarah (Pembangunan Sosial)

Unit Perancang Ekonomi Negeri

23. YBhg. Ustaz Hj Nazry bin Mohamad Noor

Pengerusi Pertubuhan Kebajikan Pembangunan Insan

Kelantan

24. YBhg. Puan Wan Nor Ainon binti Wan Abdullah

Penulis Buku

25. YBhg. Puan Mazidah binti Mohammad

Penulis Buku

SEJARAH RINGKAS PEMBENTUKAN DASAR ANAK YATIM ISLAH NEGERI KELANTAN

Siri-siri perbincangan DAYI oleh panel penggubal seperti berikut:

i. Mesyuarat Kumpulan Penyelidik

- 29 Safar 1443H/ 7 September 2021- Atas talian (Aplikasi Google meet)
- 25 Safar 1443H/ 2 Oktober 2021- Atas talian (Aplikasi Zoom)
- 21 Rabiul Akhir 1443H/ 26 Nov 2021- Atas talian (Aplikasi Zoom)
- 7 Rejab 1443H/ 9 Februari 2022- Bilik Mesyuarat Exco, Aras 7 MABNA MBI

ii. Mesyuarat Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita

- 14 Jamadil Akhir 1443H/ 27 Disember 2021- Bilik Gerakan Aras 1 MABNA MBI, Kompleks Kota Darulnaim

iii. Mesyuarat Penggubalan Dasar Anak Yatim Islah Negeri Kelantan

- 24 Muharram 1443H/ 2 September 2021- Atas talian (Aplikasi Zoom)
- 27 Safar 1443H/ 4 Oktober 2021- Atas talian (Aplikasi Zoom)
- 10 Rabiul Awal 1443H/ 17 Oktober 2021- Atas talian (Aplikasi Zoom)
- 11 Rabiul Akhir 1443H/ 16 November 2021- Atas talian (Aplikasi Zoom)
- 4 Jamadil Awal 1443H/ 9 Disember 2021- Bilik Mesyuarat Exco, Aras 7 MABNA MBI dan atas talian (hibrid)

iv. Bengkel Pemurnian Akhir Dasar Anak Yatim Islah Negeri Kelantan

- 24 Muharram 1443H/ 9 Januari 2022- Bilik Mesyuarat Exco, Aras 7
MABNA MBI, Kompleks Kota Darulnaim

v. Mesyuarat Akhir Dasar Anak Yatim Islah Negeri Kelantan

- Rejab 1443H/ 9 Februari 2022 – Bilik Mesyuarat MMK, Aras 7
MABNA MBI

**vi. Diluluskan oleh Majlis Mesyuarat EXCO Kerajaan Negeri Kelantan
Kali Ke-16**

- 26 Muharam 1444H/ 24 Ogos 2022 – Bilik Mesyuarat MMK, Aras
7 MABNA MBI

NOTA

NOTA



URUS SETIA KEBAJIKAN, PEMBANGUNAN KELUARGA DAN WANITA KERAJAAN NEGERI KELANTAN

Tel: 09-748 1957@09-747 6568 Faks: 09-747 6510

ukekwa@kelantan.gov.my [ukekwa](https://www.facebook.com/ukekwa) [@u_kekwa](https://twitter.com/u_kekwa) wanitakelantan.com

TALIAN HOTLINE

Kebajikan/ Bencana 019-988 2999
Kaunseling 013-983 5912
Kelas Jahitan & Sulaman 013-984 5917
Daftar Sukarelawan 013-984 6913
Majlis Perundingan Wanita 011-3310 2454
Taska Keluarga Mawaddah 013-983 6915